Wong Yin Yong lwn Notre Dame Nursery Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 22NCVC–77–07 TAHUN 2015
CHE MOHD RUZIMA H
26 APRIL 2018

Syarikat dan Korporat — Pengarah-pengarah — Penyingkiran — Sama ada notis-notis yang berkaitan dengan mesyuarat agung luar biasa tidak sah — Sama ada defendan-defendan bertindak secara mala fide — Sama ada plaintif ada jangkaan munasabah — Akta Syarikat 1965 ss 128 & 153

Notre Dame Nursery Sdn Bhd ('defendan pertama') dan Notre Dame Sdn Bhd ('defendan kedua') adalah syarikat keluarga yang diusahakan pada permulaannya oleh kedua ibu bapa Wong Yin Yong ('plaintif'), Wong Yin Neng ('defendan ketiga') dan Wong Yen Choon ('defendan keempat'). Saham-saham di dalam defendan pertama dan kedua dipegang secara sama banyak oleh plaintif, defendan ketiga dan defendan keempat. Pada 9 Jun 2015, plaintif telah menerima dua salinan surat tunjuk sebab yang masing-masingnya bertarikh 9 Jun 2015 ('surat-surat tunjuk sebab') berserta dengan dua notis mesyuarat agung luar biasa ('EGM') yang masing-masingnya bertarikh 8 Jun 2015 daripada setiausaha syarikat defendan pertama dan defendan kedua. Plaintif telah didakwa melanggar tugas fidusiari apabila menyalahgunakan kad kredit defendan pertama ketika membayar deposit pembelian sebuah kereta yang didaftarkan atas namanya sendiri. Selain itu, plaintif juga dikatakan telah menggunakan dua cop getah yang bukan milik defendan pertama semasa urusan pembelian kereta tersebut. Plaintif telah mengemukakan dua salinan surat bertarikh 17 Jun 2015 dan menyerahkannya kepada setiausaha syarikat defendan pertama dan defendan kedua pada 22 Jun 2015. Plaintif tidak mengemukakan sebarang tunjuk sebab, sebaliknya menyatakan bahawa tuduhan-tuduhan di dalam surat-surat tunjuk sebab adalah samar dan kabur sehinggakan plaintif tidak berkeupayaan untuk memberikan penjelasan. Pada hari yang sama, iaitu pada 22 Jun 2015, plaintif menerima dua notis memaklumkan bahawa EGM defendan pertama dan defendan kedua yang akan diadakan pada 9 Julai 2015. Di dalam notis-notis EGM tersebut, dinyatakan agenda bahawa perkara yang akan dibincangkan adalah mengenai penyingkiran plaintif dari menjadi pengarah syarikat defendan pertama dan defendan kedua. EGM telah dijalankan mengikut jadual dengan kehadiran ketiga-tiga pemegang saham defendan pertama dan defendan kedua. Hanya satu agenda yang dibincangkan, iaitu mengenai penyingkiran plaintif dari menjadi pengarah syarikat defendan pertama dan defendan kedua. Setelah undian dijalankan, mesyuarat memutuskan bahawa

plaintif disingkirkan dari menjadi pengarah syarikat defendan pertama dan defendan kedua. Isu-isu yang perlu diputuskan mahkamah adalah: (a) sama ada notis-notis yang berkaitan dengan EGM tidak sah; (b) sama ada defendan-defendan bertindak secara mala fide; dan (c) sama ada plaintif ada jangkaan munasabah.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM20,000:

(1) Plaintif telah diberikan notis yang secukupnya seperti mana yang diperlukan undang-undang. Dakwaan yang menyatakan plaintif tidak tahu sebab kenapa tindakan diambil ke atasnya adalah dangkal. Plaintif maklum akan butir-butir dakwaan salah laku yang menyebabkan perlanggaran tugas fidusiari yang dihadapinya. Selain itu, pemberian alasan bagi penyingkiran pengarah tidak diperlukan di bawah peruntukan s 128 Akta Syarikat 1965 ('Akta'). Surat-surat tunjuk sebab dan notis-notis EGM yang diberikan kepada plaintif sememangnya berada di dalam pengetahuan kesemua pihak yang terlibat semasa meluluskan resolusi penyingkiran plaintif. Dengan itu, kehendak di bawah s 128 Akta telah pun dipenuhi (lihat perenggan 17 & 19–21).

(2) Plaintif tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan berkaitan dengan penggunaan dua cop getah tersebut semasa di soal balas. Alasan yang menafikan pengetahuan kepada cop getah pada borang insurans dan senarai semak penyerahan kenderaan dengan mengatakan bahawa dia berhak membuat cop getah sendiri untuk defendan pertama dan defendan kedua di atas kapasitinya sebagai pengarah syarikat didapati gagal menyangkal dakwaan salah laku dan pemecahan tugas fidusiari. Plaintif tidak boleh dibenarkan berlindung di sebalik tempoh atau jarak masa kejadian berlaku. Kesalahan tetap kesalahan dan pihak defendan berhak untuk mencurigai keikhlasan plaintif di dalam pengurusan defendan pertama dan defendan kedua di masa akan datang. Oleh itu, plaintif gagal membuktikan bahawa tindakan yang diambil pihak defendan adalah suatu tindakan yang mala fide (lihat perenggan 25–26).

(3) Tidak ada keterangan secara langsung yang dikemukakan bagi membuktikan jangkaan munasabah oleh plaintif. Jawatan pengarah yang diperuntukkan kepada plaintif bukanlah mutlak. Oleh kerana plaintif telah didapati melakukan salah laku yang boleh terjumlah kepada perlanggaran tugas fidusiari, maka adalah wajar jangkaan munasabah tersebut terlucut dan tidak lagi memihak kepada plaintif. Jumlah pegangan saham dan tempoh masa plaintif memegang jawatan sebagai pengarah defendan pertama dan kedua bukanlah alasan yang boleh diambil kira bagi mengatasi resolusi yang telah diputuskan di dalam EGM. Plaintif tidak boleh dibenarkan bergantung kepada alasan-alasan tersebut untuk terus menjangkakan haknya memegang jawatan tersebut (lihat perenggan 28–30).

A **[English summary**

Notre Dame Nursery Sdn Bhd ('the first defendant') and Notre Dame Sdn Bhd ('the second defendant') was a family company initially handled by the parents of Wong Yin Yong ('the plaintiff'), Wong Yin Neng ('the third defendant') and Wong Yen Choon ('the fourth defendant'). Shares in the first and second defendants were held equally by the plaintiff, the third defendant and the fourth defendant. On 9 June 2015, the plaintiff received two copies of a show cause letter dated 9 June 2015 ('show cause letters') together with two notice of extraordinary general meeting ('EGM') that respectively dated 8 June 2015 from the company's secretary of the first and second defendant. The plaintiff had been claimed to breach the fiduciary duty when he misused the first defendant's credit card when paying the deposit of a purchase of a car that was registered under his own name. In addition, the plaintiff was also alleged to have used two rubber stamps that did not belong to the first defendant during the purchase of the car. The plaintiff had submitted two copies of letters dated 17 June 2015 and delivered it to the first and second defendant's company's secretary on 22 June 2015. The plaintiff did not submit any show cause, instead stated that the allegations in the show cause letters were vague and obscure so much the plaintiff were not able of giving explanation. On the same day, ie 22 June 2015, the plaintiff received two notices informing that the first and second defendant's EGM was to be held on 9 July 2015. In the said EGM notices, it was stated that the matter to be discussed was regarding the removal of the plaintiff from being the company's director of the first and second defendant. The EGM was conducted within schedule with the presence of all three shareholders of the first and second defendant. Only one agenda was discussed, namely the removal of the plaintiff from being the company's director of the first and second defendant. After voting was held, the meeting decided that the plaintiff was to be removed from being the company's director of the first and second defendant. The issues for the court to decide were: (a) whether the notices relating to the EGM were invalid; (b) whether the defendants had acted on mala fide; and (c) whether the plaintiff had reasonable expectation.

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs of RM20,000:

(1) The plaintiff had been given sufficient notice as required by law. The claim that the plaintiff did know why the action taken on him was frivolous. The plaintiff was aware of the details of the alleged misconduct which caused the breach of fiduciary duty that he faced. Furthermore, the giving of reasons for removal of directors were not required under the provision of s 128 of the Companies Act 1965 ('the Act'). The show cause letters and EGM notices given to the plaintiff were indeed in the knowledge of all parties involved when approving the resolution of the plaintiff's removal. With that, the requirements under s 128 of the Act had been fulfilled (see paras 17 & 19–21).

(2) The plaintiff could not provide satisfactory explanation pertaining to the use of two rubber stamps during cross-examination. The reason of denying the knowledge of the rubber stamp on the insurance and vehicle submission checklist form by claiming that he was entitled to make his own rubber stamp for the first and second defendant on his own capacity was found to have failed to disprove the alleged misconduct and breach of fiduciary duty. The plaintiff was not allowed to hide behind the period or duration of the incident. An offense still remained as an offence and the defendant had the right to suspect the sincerity of the plaintiff in managing the first and second defendant in the future. Therefore, the plaintiff failed to prove that the action taken by the defendant was a mala fide act (see paras 25–26).

(3) There was no direct evidence submitted to prove the plaintiff's reasonable expectation. The director's position assigned to the plaintiff was not absolute. Since the plaintiff had been found committing a misconduct that could amount to breach of fiduciary duty, hence it was proper that the reasonable expectation was dismissed and was no longer in favour of the plaintiff. The amount of shareholding and the period of the plaintiff in office as the director in the first and second defendant were not a reason that could be considered to outgrow the resolution that had been decided in the EGM. The plaintiff could not be allowed to depend on these reasons to further expect his right to hold the post (see paras 28–30).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penyingkiran pengarah-pengarah, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 422–438.

Kes-kes yang dirujuk

Indian Corridor Sdn Bhd & Anor v Golden Plus Holdings Bhd [2008] 3 MLJ 653; [2008] 5 CLJ 774, MR (dirujuk)

Soh Jiun Jen v Advance Colour Laboratory Sdn Bhd & Ors [2010] 5 MLJ 342; [2010] 4 CLJ 897, MR (dirujuk)

Tuan Haji Ishak bin Ismail & Ors v Leong Hup Holdings Bhd and other appeals [1996] 1 MLJ 661, MR (dirujuk)

Vita Health Laboratories Pte Ltd v Pang Seng Meng [2004] 4 SLR 162, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 ss 128, 128(1), (2), 153, 181

Husin Mohd Razak (Mohamad Khairil Abidin bersamanya) (Mohd Irwan Mohd Mubarak) bagi pihak plaintiff.

Raymond Mah Mun Kit (Diana Cheak Mei Hwa bersamanya) (MahWengKwai

& Assoc) bagi pihak defendan-defendan.

Che Mohd Ruzima H:

PENDAHULUAN

[1] Wong Yin Yong ('plaintif') memohon perintah mahkamah seperti mana berikut:

(a) satu deklarasi bahawa:

(i) notis-notis EGM adalah cacat, tidak sah serta terbatal;

(ii) kedua-dua EGM yang diadakan pada 9 Julai 2015 adalah cacat, tidak sah serta terbatal;

(iii) kedua-dua agenda yang diluluskan dalam EGM-EGM pada 9 Julai 2015 adalah cacat, tidak sah serta terbatal; dan

(iv) penyingkiran plaintif sebagai pengarah dalam kedua-dua defendan pertama dan kedua adalah dibuat secara salah dan tidak sah di sisi undang-undang;

(b) satu perintah bahawa plaintif dikembalikan kepada kedudukan asal beliau sebagai pengarah di dalam syarikat defendan pertama dan defendan kedua dan berhak menerima gaji, elaun serta manfaat sebagai pengarah yang tidak dibayar sejak penyingkiran hingga keputusan tindakan ini;

(c) satu perintah bahawa plaintif dibayar semua gaji, elaun dan/atau dividen serta bonus dan lain-lain manfaat pengarah yang tidak dibayar penyingkiran hingga keputusan tindakan ini;

(d) satu tuntutan pampasan dan/atau ganti rugi khas yang akan ditaksirkan oleh mahkamah diberikan kepada plaintif atas penyingkiran plaintif tersebut;

(e) faedah;

(f) ganti rugi am untuk ditaksirkan; dan

(g) kos.

FAKTA RINGKAS TINDAKAN

[2] Notre Dame Nursery Sdn Bhd ('defendan pertama') dan Notre Dame Sdn Bhd ('defendan kedua') adalah syarikat keluarga yang diusahakan pada permulaannya oleh kedua ibu bapa plaintif, defendan ketiga dan keempat. Pertelingkahan di antara adik beradik di dalam urusan perniagaan yang melibatkan pengurusan defendan pertama dan kedua telah lama berlarutan.

Beberapa tindakan mahkamah telah diambil dan akhirnya saham-saham di dalam defendan pertama dan kedua dipegang secara sama banyak oleh plaintif, Wong Yin Neng ('defendan ketiga') dan Wong Yen Choon ('defendan keempat'). A

[3] Walau pun pegangan saham sama banyak, plaintif mendakwa bahawa defendan ketiga dan defendan keempat telah menindasnya sebagai pemegang saham minoriti. Pada 29 April 2015, plaintif telah memfailkan Saman Pemula No 24NCvC-194–04 Tahun 2015 ('SP 2015') di bawah s 181 Akta Syarikat 1965 ('AS 1965') terhadap defendan ketiga dan defendan keempat. Tuntutan plaintif tersebut ditolak Mahkamah Tinggi pada 20 Oktober 2016 dan rayuan ke Mahkamah Rayuan juga gagal. B C

[4] Sementara itu, pada 9 Jun 2015, plaintif telah menerima dua salinan surat tunjuk sebab yang masing-masingnya juga bertarikh 9 Jun 2015 (surat-surat tunjuk sebab) berserta dengan dua notis mesyuarat agung luar biasa ('EGM') yang masing-masingnya bertarikh 8 Jun 2015 daripada setiausaha syarikat defendan pertama dan defendan kedua. D

[5] Plaintif telah mengemukakan dua salinan surat bertarikh 17 Jun 2015 dan menyerahkannya kepada setiausaha syarikat defendan pertama dan defendan kedua pada 22 Jun 2015. Plaintif tidak mengemukakan sebarang tunjuk sebab, sebaliknya menyatakan bahawa tuduhan-tuduhan di dalam surat-surat tunjuk sebab adalah samar dan kabur sehinggakan plaintif tidak berkeupayaan untuk memberikan penjelasan. E F

[6] Pada hari yang sama, iaitu pada 22 Jun 2015, plaintif menerima dua notis memaklumkan bahawa EGM defendan pertama dan defendan kedua yang akan diadakan pada 9 Julai 2015. Di dalam notis-notis EGM tersebut, dinyatakan agenda bahawa perkara yang akan dibincangkan adalah mengenai penyingkiran plaintif dari menjadi pengarah syarikat defendan pertama dan defendan kedua. G

[7] EGM telah dijalankan mengikut jadual dengan kehadiran ketiga-tiga pemegang saham defendan pertama dan defendan kedua. Mesyuarat dipengerusikan defendan ketiga. Hanya satu agenda yang dibincangkan, iaitu mengenai penyingkiran plaintif dari menjadi pengarah syarikat defendan pertama dan defendan kedua. Setelah undian dijalankan, mesyuarat memutuskan bahawa plaintif disingkirkan dari menjadi pengarah syarikat defendan pertama dan defendan kedua. H I

A DAKWAAN PLAINTIF

[8] Terdapat tiga alasan kenapa penyingkiran plaintif sebagai pengarah dalam kedua-dua defendan pertama dan kedua adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang. Tiga alasan tersebut adalah:

B

(a) kedua-dua notis EGM yang diserah setiausaha syarikat dan telah diterima plaintif adalah cacat dan tidak sah;

(b) defendan ketiga dan keempat bertindak secara mala fide semasa mengambil tindakan dan semasa membuat keputusan untuk menyingkirkan plaintif dari menjadi pengarah defendan pertama dan defendan kedua; dan

C

(c) plaintif mempunyai jangkaan munasabah di sisi undang-undang untuk terus memegang jawatan pengarah defendan pertama dan defendan kedua.

D

PEMBELAAN DEFENDAN

[9] Penyingkiran plaintif daripada menjadi pengarah defendan pertama dan kedua diambil melalui EGM setelah defendan ketiga dan defendan keempat hilang kepercayaan terhadap plaintif. Plaintif telah melanggar tugas fidusiari apabila menyalahgunakan kad kredit defendan pertama ketika membayar deposit pembelian kereta Mercedes Benz No WXM 3863 ('kereta tersebut') yang didaftarkan di atas namanya sendiri. Plaintif meneruskan pembelian kereta tersebut walau pun di bantah defendan ketiga dan defendan keempat. Selain itu, plaintif turut menggunakan dua cop getah yang bukannya milik defendan pertama semasa urusan pembelian kereta tersebut.

E

F

[10] Tindakan yang diambil terhadap plaintif melalui keputusan yang dicapai di dalam EGM adalah teratur. Notis-notis yang perlu telah diserahkan kepada plaintif dan sebab tindakan diambil telah dinyatakan di dalam notis yang berkenaan. Peluang membela diri telah pun diberikan kepada plaintif. Tindakan yang diambil terhadap plaintif adalah teratur. Tindakan pihak defendan bukanya mala fide dan plaintif tidak ada sebarang jangkaan munasabah di sisi undang-undang untuk terus memegang jawatan pengarah defendan pertama dan defendan kedua.

G

H

ISU

I

[11] Pihak-pihak terikat dengan pliding masing-masing. Berdasarkan dakwaan yang dibuat melalui pliding pihak plaintif, jelaslah bahawa pertikaian plaintif terhadap keputusan defendan-defendan berasaskan tiga alasan. Oleh

itu, isu yang perlu diputuskan mahkamah seharusnya hanya ditumpukan kepada tiga alasan tersebut sahaja, iaitu sama ada plaintif berjaya membuktikan:

(a) notis-notis yang berkaitan dengan EGM tidak sah;

(b) defendan-defendan bertindak secara mala fide; dan

(c) plaintif ada jangkaan munasabah.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

[12] Undang-undang berkait dengan campur tangan mahkamah di dalam urusan pentadbiran syarikat adalah jelas. Di dalam kes *Tuan Haji Ishak bin Ismail & Ors v Leong Hup Holdings Bhd and other appeals* [1996] 1 MLJ 661, Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

> Transposed to s 128(1) of our Act, the proper meaning of 'A public company may by ordinary resolution remove a director ...' means that a simple majority of the shareholders of the company may vote to remove a director and no agreement made by the directors or the company can fetter that right. The courts will not interfere with the statutory right of shareholders to remove directors: *Solaiappan v Lim Yoke Fan & Ors* [1968] 2 MLJ 21; *Dato' HM Shah & Ors v Dato' Abdullah bin Ahmad* [1991] 1 MLJ 91, a Supreme Court decision which applied s 128(1) and upheld the shareholders' right to terminate the appointment of the executive chairman and managing director of the company in the ninth month of a three-year contract with the company appointing him to those positions.

Ramly Ali HMR (beliau ketika itu) semasa memutuskan isu berkait dengan permohonan pemegang saham minoriti di bawah s 181 AS 1965 di dalam kes *Soh Jiun Jen v Advance Colour Laboratory Sdn Bhd & Ors* [2010] 5 MLJ 342; [2010] 4 CLJ 897 telah membuat kesimpulan berikut:

> The rule in *Foss v Harbottle* [1843] 2 Have 461 has laid down a well-known principle which has resulted from the refusal of the court to interfere in the management of a company at the instance of a minority of its members who are dissatisfied with the conduct of the company affairs by the majority or by the board of directors. The court, under the pretext of minority protection under s 181, *should be slow from interfering or enquiring into the desirability or wisdom of the acts of those who control or manage the company's affairs. It cannot be the function of the court to take management decisions and to substitute its opinions for those of the directors and the majority of the members*. If the thing complained of is a thing which in substance the majority of the company are entitled to do in accordance with the relevant rules, and regulations then it is only prudent that a meeting of the members be called and ultimately let the majority get their wishes. The justification for the rule is the need to preserve the right of the majority to decide how the company's affairs shall be conducted (see *Lord v Copper Mines Co* [1848] 2 Ph 740 at p 751 and *Harben v Phillips* [1883] 23 Ch D 14 at p 39 — per Cotton LJ).
>
> The provisions of s 181 of the Companies Act 1965 should not be stretched too far so as to allow minority or individuals to abuse them just because they do not agree

or are dissatisfied with the action taken by the majority or the board of directors. Otherwise, company's operation will collapse. (Penekanan ditambah.)

[13] Sementara itu, di dalam kes *Vita Health Laboratories Pte Ltd v Pang Seng Meng* [2004] 4 SLR 162, Mahkamah Rayuan Singapura telah memutuskan:

In *ECRC Land Pte Ltd v Ho Wing on Christopher* [2004] 1 SLR(R) 105, Tay Yong Kwang J opined at [49]:

> The court should be slow to interfere with commercial decisions taken by directors (see *Intraco Ltd v Multi-Pak Singapore Pte Ltd* [1994] 3 SLR(R) 1064). It should not, with the advantage of hindsight, substitute its own decision in place of those made by directors in the honest and reasonable belief that they were for the best interests of the company, even if those decisions turned out subsequently to be money losing ones.

This judicial endorsement of the sanctity of business judgment is underpinned by strong policy considerations. It is the role of the marketplace and not the function of the court to punish and censure directors who have in good faith, made incorrect commercial decisions.

Jelasnya, mahkamah agak lambat mencampuri urusan atau keputusan yang telah dicapai pihak pengurusan sesebuah syarikat. Berasaskan prinsip yang mantap tersebut tuntutan plaintif diteliti.

[14] Bagi membuktikan tuntutannya, plaintif telah mengemukakan lima orang saksi. Keterangan Chai Fui Mien ('SP1') dan plaintif sendiri sebagai SP2 banyak tertumpu kepada perkara berhubung dengan keperluan plaintif menukar kereta sedia ada yang dikatakan selalu rosak dan tidak ekonomik digunakan dengan kereta baru. Keterangan tersebut tidaklah secara langsung berkaitan dengan isu yang perlu diputuskan mahkamah. Lagi pun fakta yang dikemukakan tersebut tidak pernah di plid di dalam pliding plaintif. Oleh itu, hanya keterangan yang berkait dengan isu yang dibangkitkan di dalam pliding sahaja yang perlu diberi pertimbangan.

[15] Bagi isu pertama, plaintif yang membuat dakwaan bahawa EGM yang diadakan pada 9 Julai 2015 tidak sah perlulah membuktikan dakwaannya. Berhubung dengan isu ini, peruntukan undang-undang berkait dengan penyingkiran pengarah syarikat adalah jelas. Seksyen 128(1) dan (2) AS 1965 adalah seperti mana berikut:

128 Removal of directors

(1) A public company may by ordinary resolution remove a director before the expiration of his period of office, notwithstanding anything in its memorandum or articles or in any agreement between it and him but where any director so removed was appointed to represent the interests of any particular class of shareholders or debenture holders the resolution to remove him shall not take effect until his successor has been appointed.

(2) Notwithstanding anything to the contrary in the memorandum or articles of the company, special notice shall be required of any resolution to remove a director or to appoint some person in place of a director so removed at the meeting at which he is removed, and on receipt of notice of an intended resolution to remove a director the company shall forthwith send a copy thereof to the director concerned, and the director (whether or not he is a member of the company) shall be entitled to be heard on the resolution at the meeting.

Jelasnya, jika resolusi yang hendak diputuskan akan melibatkan penyingkiran pengarah syarikat, suatu notis khas perlulah diberikan. Berdasarkan peruntukan s 153 AS 1965, resolusi penyingkiran pengarah tidak boleh berkuat kuasa jika penyampaian notis khas tersebut dibuat kurang dari 28 hari. Bagi memudahkan rujukan, peruntukan s 153 adalah seperti mana berikut:

Where by this Act special notice is required of a resolution, the resolution shall not be effective unless notice of the intention to move it has been given to the company not less than twenty-eight days before the meeting at which it is moved, and the company shall give its members notice of any such resolution at the same time and in the same manner as it gives notice of the meeting or, if that is not practicable, shall give them notice thereof, in any manner allowed by the articles, not less than fourteen days before the meeting, but if after notice of the intention to move such a resolution has been given to the company, a meeting is called for a date twenty-eight days or less after the notice has been given, the notice, although not given to the company within the time required by this section, shall be deemed to be properly given.

[16] Berdasarkan pliding, plaintif mengesahkan bahawa pihaknya pada sekitar 9 Jun 2015 telah menerima dua salinan surat bertarikh juga pada 9 Jun 2015 daripada setiausaha syarikat berserta dengan dua notis EGM defendan pertama dan kedua bertarikh 8 Jun 2015 di perenggan 7 pernyataan tuntutan terpinda. Di perenggan 8 pula, plaintif mengesahkan bahawa pihaknya diberikan hak untuk memberikan penjelasan atau representasi dengan menyatakan alasan-alasan kenapa plaintif tidak wajar disingkirkan dari menjadi pengarah defendan pertama dan kedua selewat-lewatnya pada 22 Jun 2015 pukul 4 petang. Sementara itu, di perenggan 9, plaintif mengesahkan bahawa kedua-dua notis EGM tersebut ditandatangani defendan ketiga dan keempat serta tarikh EGM adalah pada 9 Julai 2015. Plaintif turut mengesahkan bahawa kedua-dua notis EGM mengandungi agenda mesyuarat, iaitu satu resolusi biasa telah dicadangkan bagi penyingkiran plaintif serta alasan bagi penyingkiran tersebut.

[17] Berdasarkan keterangan, plaintif sendiri mengakui yang dia ada menerima surat-surat tunjuk sebab bertarikh 9 Jun 2015 dan dua notis EGM bertarikh 8 Jun 2015 daripada setiausaha syarikat defendan pertama dan defendan kedua (lihat ms 74–77 nota keterangan ('NK')). Oleh itu, keterangan plaintif selari dengan apa yang telah diplidkan. Setelah diteliti

pliding dan keterangan saksi, adalah didapati bahawa plaintif telah diberikan notis yang secukupnya seperti mana yang diperlukan undang-undang.

[18] Berhubung dengan kecacatan yang dikatakan wujud pada kedua-dua notis EGM, butiran kecacatan tersebut telah diplidkan di perenggan 18 pernyataan tuntutan. Secara ringkasnya, plaintif mendakwa adanya kecacatan kerana tidak dinyatakan dengan jelas tuduhan atau tohmahan kemungkiran tanggung jawab fidusiari plaintif terhadap defendan pertama dan kedua. Pihak defendan pertama dan kedua gagal memberikan butiran tuduhan walau pun telah dimaklumkan akan kekaburan tuduhan tersebut. Plaintif juga menyatakan bahawa kedua-dua surat meminta penjelasan juga menyatakan notis EGM akan dikeluarkan tanpa dikepilkan penjelasan bertulis plaintif sekiranya plaintif gagal memberikan penjelasan bertulis.

[19] Setelah diteliti, didapati bahawa dakwaan yang menyatakan plaintif tidak tahu sebab kenapa tindakan hendak diambil ke atasnya adalah dangkal. Dari keterangan, jelas menunjukkan bahawa plaintif maklum akan butir-butir dakwaan salah laku yang menyebabkan perlanggaran tugas fidusiari yang dihadapinya. Keterangan juga menunjukkan plaintif banyak kali mempertahankan tindakannya membeli kereta tersebut dengan menafikan semua salah laku. Semasa disoal balas, plaintif mengakui ada menerima afidavit balasan (1) yang difailkan di dalam SP 2015 dan telah diserahkan kepada peguam plaintif pada 11 June 2015. Menerusi perenggan 109–120 defendan ketiga telah memperincikan dakwaan salah laku tersebut (lihat ms 77–79 dan 92–94 NK).

[20] Selain itu, mahkamah juga bersetuju dengan hujahan peguam pihak defendan yang pemberian alasan bagi penyingkiran pengarah tidak diperlukan di bawah peruntukan s 128 Akta Syarikat 1965. Keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Indian Corridor Sdn Bhd & Anor v Golden Plus Holdings Bhd* [2008] 3 MLJ 653; [2008] 5 CLJ 774 yang dirujuk adalah relevan. Gopal Sri Ram HMR memutuskan:

> ... Section 128 is differently constructed. It confers no security of tenure upon directors of a public company. It merely entitles such a director to 'be heard on the resolution at the meeting'. A director is also entitled to make 'representations in writing to the company (not exceeding a reasonable length)'. He or she may also and request that the company notify its members of the representations. If for any reason the company does not send out the representations to its members the director may require his or her representations to be read out at the meeting. In addition, he or she may also orally address the meeting. In our judgment the pronouncement in Kanda applies in the domain of public law. It does not apply in the private law sphere, particularly to a resolution that seeks the removal of a director of a company in general meeting. To hold otherwise would be to equate s 128 of the Act with art 135(2) of the Federal Constitution and the proceedings of a company in general meeting to a hearing before a tribunal trying a member of the

public service charged with a disciplinary offence. All that a resolution contemplated by s 128 of the Act need do is to set out the proposal to remove one or directors of the company. The notice requirement in s 128 sufficiently meets the element of fairness as it makes the director concerned aware of the fact that there is a proposal to remove him or her. It is then up to the director concerned to prepare representations setting out the reasons why he or she should not be removed, eg, because he or she has always acted in the best interests of the company. He or she may then attend the general meeting and make an oral address answering his or her critics, if any. This, then, is the content of the rules of natural justice in the context and circumstances encapsulated in s 128 of the Act. *The setting out of the grounds for proposing the removal is not a requirement of* s 128 ... (Penekanan ditambah.)

[21] Seperkara lagi, seperti mana yang dinyatakan di perenggan [2], defendan pertama dan defendan kedua hanya ada tige orang ahli atau pemegang saham sahaja iaitu, plaintif, defendan ketiga dan defendan keempat. Tindakan yang hendak di ambil ke atas plaintif sememangnya diputuskan oleh defendan ketiga dan defendan keempat yang merupakan pemegang saham majoriti. Defendan ketiga dan defendan keempatlah yang mendapati plaintif melakukan salah laku semasa urusan pembelian kereta tersebut yang dikatakan terjumlah kepada pemecahan tugas fidusiari. Oleh itu, surat-surat tunjuk sebab dan notis-notis EGM yang diberikan kepada plaintif sememangnya berada di dalam pengetahuan kesemua pihak yang terlibat semasa meluluskan resolusi penyingkiran plaintif. Dengan itu, kehendak di bawah s 128 AS 1965 telah pun dipenuhi.

[22] Bagi isu kedua pula, plaintif mendakwa bahawa tindakan yang diambil dan keputusan yang dibuat bagi menyingkirkannya dari menjadi pengarah defendan pertama dan defendan kedua oleh defendan ketiga dan defendan kedua adalah mala fide. Plaintif yang membuat dakwaan perlulah membuktikan dakwaan tersebut. Selagi gagal membuktikan dakwaannya, tidak ada tugas di pihak defendan untuk membuktikan sebaliknya.

[23] Semasa memberi keterangan, plaintif telah menerangkan sebab kenapa perlunya dibeli kereta tersebut dan keterangannya disokong oleh SP1. Plaintif juga mendakwa bahawa pembelian kereta telah lama berlaku dan ianya telah diselesaikan melalui satu penghakiman persetujuan di dalam tindakan Writ Saman No 22NCvC-130–08 Tahun 2013 ('WS 2013'). Isu salah laku atau pemecahan tugas fidusiari tersebut sepatutnya dibangkitkan di dalam WS 2013 dan bukannya di dalam tindakan ini. Oleh itu, tindakan penyingkiran yang diambil melalui EGM tersebut adalah suatu yang difikirkan kemudian dan ianya suatu tindakan yang jelas mala fide.

[24] Sementara itu, pihak defendan di dalam keterangan mereka menyatakan bahawa salah laku yang dilakukan plaintif hanya diketahui setelah lebih setahun penghakiman persetujuan WS 2013 dimasuki. Berdasarkan

keterangan, setelah mendapati bahawa plaintif masih belum membuat penukaran nama kereta tersebut ke atas namanya seperti mana yang dipersetujui di dalam penghakiman persetujuan WS 2013, defendan ketiga telah membuat semakan dan telah memperoleh dua dokumen pembelian kereta tersebut iaituborang insurans MSIG (ms 49 Ikatan B) dan senarai semak penyerahan kenderaan dari Hap Seng Star Sdn Bhd (ms 50–52 Ikatan B). Di kedua-dua dokumen tersebut terdapat cop getah yang bukannya kepunyaan defendan pertama atau pun defendan kedua. Plaintif dikatakan telah memalsukan dua cop getah tersebut untuk pembelian kereta tersebut.

[25] Plaintif pula tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan berkait dengan penggunaan dua cop getah tersebut semasa di soal balas. Alasan yang menafikan pengetahuan kepada cop getah pada borang insurans dan senarai semak penyerahan kenderaan dengan mengatakan bahawa dia berhak membuat cop getah sendiri untuk defendan pertama dan defendan kedua di atas kapasitinya sebagai pengarah syarikat didapati gagal menyangkal dakwaan salah laku dan pemecahan tugas fidusiari.

[26] Daripada keterangan pihak defendan juga jelas menunjukkan bahawa mereka telah hilang kepercayaan kepada plaintif untuk terus terlibat di dalam pengurusan defendan pertama dan defendan kedua setelah mendapat tahu plaintif terlibat dengan penggunaan dua cop getah yang tidak sah semasa pembelian kereta tersebut. Walau pun perbuatan plaintif telah agak lama berlalu, pemecahan tugas fidusiari telah pun berlaku. Plaintif tidak boleh dibenarkan berlindung di sebalik tempoh atau jarak masa kejadian berlaku. Kesalahan tetap kesalahan dan pihak defendan berhak untuk mencurigai keikhlasan plaintif di dalam pengurusan defendan pertama dan defendan kedua di masa akan datang. Oleh itu, plaintif gagal membuktikan bahawa tindakan yang diambil pihak defendan adalah suatu tindakan yang mala fide.

[27] Akhirnya, plaintif perlu membuktikan bahawa dia ada jangkaan munasabah untuk terus menjadi pengarah defendan kedua dan defendan ketiga di bawah isu ketiga. Plaintif sekali lagi bergantung kepada penghakiman persetujuan WS 2013. Peguam plaintif berhujah bahawa perenggan 4 penghakiman memberikan jangkaan munasabah kepada plaintif untuk terus menjadi pengarah defendan pertama dan defendan kedua. Turut dihujahkan bahawa pegangan saham sama banyak antara ahli jaga memberikan jangkaan munasabah kepada plaintif. Akhirnya, tempoh lama perkhidmatan plaintif juga perlu diambil kira ketika menentukan isu jangkaan munasabah plaintif.

[28] Setelah diteliti, tidak ada keterangan secara langsung yang dikemukakan bagi membuktikan jangkaan munasabah oleh plaintif. Hujahan peguam plaintif berkait dengan jangkaan munasabah bergantung kepada

perenggan 4 penghakiman persetujuan WS 2013, struktur pegangan saham dan tempoh perkhidmatan plaintif sebagai pengarah defendan pertama dan defendan kedua semata-mata.

[29] Berhubung dengan penghakiman persetujuan WS 2013, perenggan 4 yang dirujuk memperuntukkan:

> (4) Bahawa Plaintiff Pertama dan Kedua sebagai pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham NDNSB membenarkan Defendant Kedua untuk kekal sebagai pengarah NDNSB dan terus menerima bagi khidmatnya sebagai pengarah NDNSB (i) gaji pengarah masa kini dan (ii) bonus pengarah, tertakluk kepada prestasi NDNSB;

Berdasarkan kepada perenggan 4 tersebut nampaknya plaintif ada jangkaan munasabah untuk terus dilantik menjadi pengarah. Namun begitu, terdapat juga persetujuan di perenggan 6 penghakiman persetujuan WS 2013 yang memperuntukkan:

> (6) Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan 4 dan 5 di atas, defendant Pertama dan Kedua boleh disingkirkan sebagai pengarah-pengarah NDNSB melalui satu mesyuarat agung NDNSB dan Plaintiff Pertama dan Kedua mempunyai kebebasan untuk mengundi bagi penyingkiran mereka jika difikirkan sesuai oleh mereka sekiranya Defendant Pertama dan Kedua didapati bertindak melanggar tugas-tugas pengarah mereka terhadap NDNSB;

Dengan itu, jawatan pengarah yang diperuntukkan kepada plaintif bukanlah mutlak. Oleh kerana plaintif telah didapati melakukan salah laku yang boleh terjumlah kepada perlanggaran tugas fidusiari, maka adalah wajar jangkaan munasabah tersebut terlucut dan tidak lagi memihak kepada plaintif.

[30] Selain itu, jumlah pegangan saham dan tempoh masa plaintif memegang jawatan sebagai pengarah defendan pertama dan kedua adalah didapati bukanlah alasan yang boleh diambil kira bagi mengatasi resolusi yang telah diputuskan di dalam EGM. Plaintif tidak boleh dibenarkan bergantung kepada alasan-alasan tersebut untuk terus menjangkakan haknya memegang jawatan tersebut.

KEPUTUSAN

[31] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, di atas imbangan kebarangkalian, adalah didapati bahawa plaintif gagal membuktikan tuntutannya terhadap defendan-defendan. Defendan ketiga dan defendan keempat yang merupakan pemegang saham majoriti dan juga pengarah defendan pertama dan defendan kedua sewajarnya diberikan kebebasan untuk membuat keputusan, selagi mana keputusan tersebut selaras dengan peraturan dan undang-undang. Dengan itu, tuntutan plaintif ditolak dengan kos.

[32] Plaintif diperintahkan membayar kos sebanyak RM20,000 kepada pihak defendan tertakluk kepada pembayaran alokatur.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos sebanyak RM20,000.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali